

# Wakil agama duduk semeja

Bincang cari titik persefahaman saling menghormati



Ahmad Yunus sempat beramah mesra bersama sebahagian wakil agama yang turut hadir pada Majlis Makan Malam Perpaduan Antara Agama yang diadakan di Amverton Cove Resort, Pulau Carey.

**SIJANGKANG** - Sebagai mengukuhkan lagi hubungan sesama rakyat yang berbilang agama di negara ini, Pusat Khidmat Masyarakat Dun Sijangkang buat pertama kali mengambil inisiatif mengumpulkan wakil-wakil daripada setiap agama di Kuala Langat.

Perjumpaan tersebut membawa misi murni di dalam berkongsi pandangan dan bertukar idea dalam usaha membentuk sebuah komuniti yang bersatu padu.

Adun Sijangkang, Datuk Dr Ahmad Yunus Hairy berkata, program ini berpeluang kepada setiap wakil agama duduk semula dan menyuarakan pendapat masing-masing di dalam menyarakkan aspek hormat-menghormati antara

agama terus diperkuatkahkan dalam masyarakat.

"Bila saya mendengar wakil-wakil agama ini beri pandangan, saya faham membentuk semangat perpaduan yang baik perlu ada rasa hormat-menghormati terhadap satu-satu agama.

"Melalui hormat-menghormati pula, kena ada kefahaman, apabila kita faham, ada rasa hormat, perpaduan akan terjalin," katanya pada Sidang Media sempena Majlis Makan Malam Perpaduan antara agama yang diadakan di Amverton Cove Resort, Pulau Carey, malam kelmarin.

Ahmad Yunus berkata, melihat sambutan menggalakkan daripada empat wakil agama iaitu Islam, Kristian, Buddha dan Hindu,

• Wakil agama terdiri daripada Islam, Kristian, Buddha dan Hindu berucap dalam rangka perpaduan, namun tiada sesi soal jawab mahupun perdebatan

beliau berharap pengajaran seperti ini diadakan lagi dengan pelbagai pengerisan.

"Saya sengaja adakan program seumpama ini sebab nak beri peluang semua wakil agama sampaikan ucapan dalam rangka perpaduan. Namun tiada soal jawab, perdebatan, yang boleh menyebabkan kekeliruan," katanya.

## Usaha cungkil bakat sukan badminton

**JUGRA** - Majlis perasmian penutup Program Kem Bakat Badminton Kementerian Belia dan Sukan Peringkat Negeri Selangor telah disempurnakan oleh Timbalan Ketua Pengarah Bahagian Pembangunan Sukan KBS, Mohd Azhari Mohammad.

Kem Bakat Badminton KBS Peringkat Negeri Selangor yang berlangsung pada 8 hingga 10 September 2017 lalu di Institut Kemahiran Belia Negara (IKBN) Kuala Langat melibatkan anjuran bersama Jabatan Belia dan Sukan Negeri Selangor dan Kelab Badminton Nusa Mahsuri.

Program ini bertujuan mencungkil bakat selain dapat memberi perdedahan kepada peserta mengenai sukan badminton.

Turut hadir ialah Pengarah Cawangan Kecergasan Bahagian Pembangunan Sukan KBS, Haris Ishak, Pengarah Cawangan Pembangunan Sukan, Bahagian Pembangunan Sukan KBS, Syamsul Tahir Tahir, Pengarah Jabatan Belia dan Sukan Negeri Selangor, Mohd Nor Md Said.

Peserta Kem Bakat Badminton KBS Peringkat Negeri Selangor merakamkan kenangan.



Seramai 60 peserta Konvoi Kibarkan Jalur Gemilang bergambar sebelum berkonvoi sejauh lebih 50 kilometer sekitar Kuala Langat.

## Konvoi Jalur Gemilang bawa misi murni

**JUGRA** - MAYC Kuala Langat menyifatkan konvoi kibarkan Jalur Gemilang sejauh lebih 50 kilometer di sekitar Daerah Kuala Langat dilahat menjadi platform anak muda mengenal erti keselamatan sepanjang menunggang motosikal.



YAZID

Pengerusinya, Yazid Buang berkata, selain memupuk semangat perpaduan dan mengenal erti kemerdekaan, pihaknya mahu mendidik anak muda mematuhi keselamatan jalan raya ketika berada di atas jalan raya.

Menurutnya, beliau mengakui kebanyakannya berita kemalangan jalan raya melibatkan penunggang motosikal, namun kesedaran pentingnya aspek keselamatan perlu diterapkan dalam apa jaya aktiviti.

"Kerana sebab itu, bila dah anjur aktiviti konvoi ini saya mahu peserta-peserta munasabah diri untuk menunggang motosikal dengan berhemah dan mengikut peraturan jalan raya."

"Alhamdulillah, kesemuanya peserta mematuhi namun penunggang motosikal sebenarnya perlu luhu usaha memberi

kesedaran kepada orang sekeliling perlu ditingkatkan," katanya sebelum Pelepasan Konvoi MAYC Kibarkan Jalur Gemilang bermula di Institusi Kemahiran Belia Negara (IKBN) Kuala Langat, kelmarin.

Yazid memberitahu program itu sebenarnya adalah program tahunan, namun kelainan pada kali ini dibuat kelainan dengan membawa peserta terlibat turun padang berjumput beberapa pemimpin masyarakat atau individu yang difokuskan berjaya dalam masyarakat.

Katanya, beliau mahu peserta mengenali insan-insan yang pernah dan masih berjaya dalam masyarakat supaya dapat memberi pendedahan untuk terus meningkatkan rasa hormat dan mencontohi bakat yang mereka ada.

Beberapa wakil yang diberi penghargaan termasuklah beberapa wakil persatuan silat, pemimpin masyarakat, sukarelawan, dan wakil media termasuk Sinar Harian.

Hadir sama melakukan gimik pelepasan konvoi berkenaan adalah Presiden Kelab MAYC Kuala Langat, Rozana Kamarulzaman.